

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SENTRAL)

TARIKH: 28 JULAI 2017

MUKA SURAT: 39

DBKL roboh gerai warga asing

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak merobohkan sekurang-kurangnya empat struktur gerai di Jalan Tun Sambanthan yang dikenal pasti menjadi sarang warga asing.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi DBKL, Datuk Ibrahim Yusoff, berkata, selain penjaja, pelanggan juga adalah terdiri daripada warga asing memaksa tindakan dibuat.

Menurutnya, notis pengosongan tapak untuk tempoh tujuh hari telah diberikan pada 3 Julai lalu namun gagal dipatuhi.

"Struktur didirikan tanpa kebenaran telah beroperasi sejak lima tahun lalu, namun se-

belum ini warga tempatan yang menjalankan perniagaan jadi DBKL masih bertolak ansur.

"Namun apabila ia bertukar tangan kepada warga asing termasuk para pelanggan juga warga asing, ia tidak boleh dibiarkan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Antara gerai terlibat, kedai makan, kedai gunting rambut, kedai runcit dan kedai menjual daging.

Mengulas lanjut, Ibrahim berkata, meskipun tamat tempoh tujuh hari notis, DBKL masih memberikan masa lanjutan kerana terdapat proses pemindahan barang.

"Tindakan roboh hanya dibuat selepas 22 hari tamat tempoh notis," katanya.



Tindakan meroboh struktur gerai dilakukan DBKL selepas 22 hari tamat tempoh notis.